

## Pencapaian Malaysia dan Vietnam Selatan dalam menentang Ancaman Komunis, 1948-1975: Satu Perbandingan

ROHANI HJ. ABDUL GHANI

Sejarah politik Malaysia menunjukkan bahawa keamanan Malaysia pernah digugat oleh ancaman Parti Komunis Malaya (PKM). Tahun-tahun 1948-1960 merupakan tempoh yang paling serius dalam sejarah keselamatan dan keamanan di Malaysia. Tempoh ini dikenali sebagai zaman Darurat. PKM telah melancarkan gerakan bersenjata secara gerila dalam menentang kerajaan British dan kemudiannya kerajaan Malaysia bagi mendapatkan hak pemerintahan sendiri secara militan setelah usaha mereka secara berperlembagaan tidak berjaya.

Namun demikian perjuangan PKM telah menemui kegagalan. Darurat kemudiannya telah diisytiharkan tamat pada tahun 1960.<sup>1</sup> Dalam soal ini, beberapa analisa akan cuba dibuat tentang mengapakah pihak British telah berjaya mengalahkan PKM di Malaysia manakala Vietnam Selatan yang dibantu oleh Amerika Syarikat (AS) pula mengalami kekalahan dalam menentang komunis Vietcong di Vietnam Selatan.

Dalam menilai persoalan ini, aspek-aspek politik dan kemasyarakatan, strategi dan faktor-faktor yang terdapat pada PKM di Malaysia dan Partai Komunis Indochina (PKI) di Vietnam Selatan perlu diambilkira. Faktor-faktor ini merupakan faktor yang telah menjadi penentu kepada kejayaan dan kegagalan kerajaan British di Malaysia dan kerajaan Vietnam Selatan dalam menentang komunis di negara masing-masing.

### ASPEK POLITIK DAN KEMASYARAKATAN

Malaysia mula berada di bawah naungan British berikutan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874.<sup>2</sup> Menurut Harry Miller, perjanjian ini merupakan satu cara 'perlindungan dan menasihati secara terus oleh pihak British ke atas Semenanjung Tanah Melayu menerusi Perak.'<sup>3</sup> Antara lain isi perjanjian ini menyatakan bahawa segala nasihat Residen British sebagai penasihat iaitu merupakan peruntukan yang terpenting dalam semua urusan pemerintahan kecuali soal-soal agama dan adat Melayu hendaklah dipatuhi oleh Sultan.<sup>4</sup>

Menyentuh tentang kuasa Sultan, perjanjian ini menyebut,

... Sultan masih berkuasa ke atas negeri baginda tetapi kuasa itu dibatasi oleh keputusan yang diperbuat oleh pihak lain (pegawai-pegawai British) yang mana baginda terikat untuk mematuhiya.<sup>5</sup>

Peruntukan yang paling penting dalam perjanjian ini ialah mengenai perlantikan seorang Residen di Perak.

The Pangkor Treaty initiated indirect rule through a British Resident. One article provided specifically that the Sultan should 'receive and provide a suitable residence' for the British Resident 'whose advice must be asked and acted upon on all questions other than those touching Malay religion and custom.'<sup>6</sup>

Tegasnya, melalui perjanjian ini kuasa Sultan secara langsung telah terbatas dan berjaya dikurangi oleh pihak British. Langkah ini dijalankan melalui peranan Residen yang dilantik. Meskipun demikian, dalam beberapa keadaan pihak British masih menjaga beberapa hak dan kebajikan Sultan. Ini adalah kerana pihak British cuba sedaya upaya untuk menjaga hubungannya dengan pihak Sultan. Langkah ini dilakukan kerana pihak British tahu bahawa dasar-dasar mereka tidak akan dapat dijalankan dengan baik di negara ini tanpa bantuan dan sokongan dari pihak Sultan. Pihak British sedar bahawa pengaruh Sultan amat besar di kalangan rakyat di negara ini.<sup>7</sup> Mengulas mengenai perkara ini, Yeo Kim Wah berpendapat,

As the Ruler still wielded profound influence among the Malay rakyat, this helped to contain potential anti-colonial hostility, thus strengthening British rule in the FMS.<sup>8</sup>

Antara beberapa kepentingan pemerintah Melayu yang telah dijaga oleh pihak British ialah mengenai pemberian pencen dan elaun.<sup>9</sup> Selain dari itu hak dan penguasaan Sultan dalam soal-soal agama dan adat telah tidak diganggu oleh para pentadbir British.<sup>10</sup> Kerajaan British sedar mengenai hak Sultan sebagai pelindung dan penaung hal ehwal agama Islam dan adat-adat Melayu yang merupakan suatu yang berbentuk '*status-quo*' bagi raja-raja Melayu. Dengan kata lain, hak tersebut merupakan perkara yang tidak boleh diganggu gugat dan dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Perhatian British terhadap hak-hak Sultan ini juga turut mengambilkira tentang pandangan rakyat terhadap sultan-sultan mereka. Bagi orang (rakyat) Melayu, mereka amat sensitif apabila hak raja-raja mereka cuba dicerobohi oleh kuasa-kuasa luar.<sup>11</sup> Jadi langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan British telah menyebabkan banyak dasar mereka diakui oleh Raja-raja Melayu dan dipatuhi oleh rakyat Malaysia. Dasar-dasar tersebut termasuk dasar-dasar mengenai Darurat. Contohnya pada 7 Jun 1949, Sultan Ismail Nasaruddin Shah iaitu Sultan Terengganu, semasa hari pertabalannya baginda

telah bertitah mengenai perkara yang sama. Beliau telah menyeru rakyat supaya bekerjasama dengan kerajaan (British) bagi menamatkan Darurat dan memulihkan keamanan di negeri itu.<sup>12</sup> Langkah British yang menjaga hubungan dengan para Sultan Melayu sekurang-kurangnya merupakan antara tindakan yang paling berkesan dalam mendapat sokongan mereka iaitu (Raja-raja Melayu) khasnya dan rakyat di Malaysia amnya dalam menggagalkan perjuangan PKM di negara ini.

Hal ini berlainan dengan keadaan AS di Vietnam Selatan. Campurtangan AS secara langsung dalam negara Vietnam Selatan bermula pada tahun 1954 selepas Perjanjian Geneva ditandatangani. Tempoh permulaan kemasukan AS ke Vietnam Selatan ini adalah 80 tahun lebih lewat berbanding dengan Kerajaan British di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan AS jauh ketinggalan dalam usaha untuk cuba memahami dan menyelami budaya politik dan kemasyarakatan rakyat Vietnam Selatan. Apa yang paling nyata, kemasukan AS ke Vietnam Selatan pada pertengahan abad ke 20 adalah dalam suasana rakyat Vietnam Selatan sedang berjuang menentang kuasa-kuasa luar yang cuba untuk menguasai negara mereka. Semangat dan perjuangan mereka dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan sebahagian besarnya telah disalurkan melalui pergerakan perjuangan yang berasaskan faham komunis.<sup>13</sup> Berbanding dengan ketika kemasukan kuasa British ke Malaysia pada tahun 1874, kesedaran masyarakat di negara ini untuk menuntut kemerdekaan masih belum wujud. Sementara itu bagi masyarakat Vietnam Selatan, falsafah hidup mereka ialah kesenangan dan kebahagiaan. Antara ciri-ciri kebahagiaan dan kesenangan itu ialah kemerdekaan. Kemasukan AS (walaupun bukan dalam bentuk penjajahan secara langsung tetapi penguasaan secara menghulurkan bantuan ketenteraan dan ekonomi), disifatkan oleh sebahagian besar dari rakyat Vietnam Selatan sebagai penjajahan ke atas negara mereka. Mengulas tentang perkara ini Thich Nhat Hanh melaporkan:

The more American troops are sent to Vietnam the more the anti-American campaign led by the NLF becomes successful. Anger and hatred rise in the hearts of the peasants as they see their villages burned, their compatriots killed, their houses destroyed.<sup>14</sup>

Di samping itu, kehadiran kuasa Barat juga telah memusnahkan institusi pemerintahan beraja di Vietnam Selatan.<sup>15</sup> Apabila AS terlibat dalam politik Vietnam Selatan, mereka (AS) telah bertanggungjawab menghapuskan sistem pemerintahan beraja di negara tersebut dan menggantikannya dengan pemerintahan yang bercorak presiden. AS telah memilih Ngo Dinh Diem sebagai presiden pertama Vietnam Selatan selepas Perjanjian Geneva apabila Raja Bao Dai telah diturunkan dari takhta pemerintahannya. Presiden Diem merupakan tokoh yang lahir dari keluarga Mandarin Katholik dan pro-AS.<sup>16</sup> Lantaran kerana beliau merupakan seorang yang beragama Katholik, maka

banyak dasar-dasar yang telah dijalankan lebih menguntungkan penganut-penganut ajaran Katholik dan merugikan masyarakat Vietnam yang beragama Buddha. Contohnya semasa kekuasaannya, Presiden Diem lebih mengambil berat tentang dua juta penganut ajaran Katholik di Saigon dengan menempatkan mereka di bahagian-bahagian penting dalam kerajaannya. Selain dari itu mereka juga telah ditempatkan di bahagian utama di bandar Saigon bagi menjamin keselamatan mereka dari diserang oleh pihak komunis.<sup>17</sup> Tindakan ini telah tidak disenangi oleh penganut-penganut agama Buddha Vietnam Selatan :

...and Buddhists resented Diem's policy of favoring the nation's minority Catholic population. In effect, Diem's potential base of support among the population was gradually eroded; increasingly he, and his regime, were isolated.<sup>18</sup>

Tindakan tersebut telah mengurangkan sokongan rakyat Vietnam Selatan yang kebanyakannya beragama Buddha terhadap Presiden Ngo Dinh Diem dan AS sendiri.<sup>19</sup> Tambahan pula kemasukan kuasa Barat ke Vietnam Selatan juga disifatkan sebagai satu pencerobohan terhadap agama tradisi mereka iaitu agama Buddha.<sup>20</sup> Sementara itu dalam masyarakat Vietnam, aspek keagamaan telah memainkan peranan penting dalam bidang politik. Menurut Ralph Smith:

Religion had often entered into politics in traditional Viet-Nam and secret sects had played their part from time to time in rebellions against the emperor. In the twentieth century, when the Confucian system was ceasing to command respect as a basis for political activity and when some other framework was needed for the expansion of nationalist feeling, it is hardly surprising that religious sects once again became prominent in politics.<sup>21</sup>

Menurut Smith lagi, agama telah digunakan oleh masyarakat di negara-negara di Asia bagi menunjukkan identiti mereka serta bagi menentang unsur-unsur luar. Unsur-unsur luar ini termasuk penyebaran agama Kristian dan penjajahan oleh pihak Barat.<sup>22</sup> Contohnya penentangan golongan agama Buddha terhadap Presiden Diem telah berlaku pada tahun 1963 di Hue dan Saigon. Dalam peristiwa ini, sami-sami Buddha telah membakar diri mereka. Peristiwa pembakaran diri oleh para sami ini dikenali sebagai *Human Barbeque*. Tindakan-tindakan ini ialah sebagai membantah penindasan yang dilakukan oleh Presiden Diem dan keluarganya terhadap golongan sami dan penganut agama Buddha di Vietnam Selatan juga membantah penglibatan AS di negara mereka.<sup>23</sup>

Selain dari itu, menurut Victor Bator pula, penganut-penganut agama Buddha samada yang tinggal di Vietnam Selatan mahupun di Vietnam Utara masih mempunyai ikatan persaudaraan dan saling berhubungan.<sup>24</sup> Pemisahan Vietnam Selatan dan Vietnam Utara melalui garisan sempadan 17<sup>o</sup> itu tidak

mematikan rasa dan nilai persaudaraan rakyat di kedua-dua buah negara.

Dalam soal ini, kerajaan British kelihatan lebih memahami kehendak dan sikap orang Melayu di Malaysia berbanding dengan AS di Vietnam Selatan. Contohnya kesucian agama Islam telah dijaga dan kepentingan-kepentingannya turut dipertimbangkan oleh kerajaan British di Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah dijalankan ialah kerajaan British pada amnya tidak campurtangan dalam institusi agama Islam di negara ini. Sementara itu raja-raja Melayu diberikan hak yang hampir penuh dalam soal-soal agama dan adat istiadat Melayu. Dengan ini masalah politik dalaman yang berkait dengan soal-soal agama sebagaimana yang berlaku di Vietnam Selatan kebanyakannya dapat dielakkan oleh kerajaan British.

Selain dari itu soal rasuah, pilihkasih dan peranan AS yang terlampau nyata juga telah mencetuskan masalah politik dalaman semasa kerajaan Diem berkuasa di Vietnam Selatan. Akibat dari penindasan yang begitu berleluasa, masyarakat di Vietnam Selatan telah bangun menentang kerajaan. Orang-orang awam, para penuntut universiti, golongan profesional seperti doktor, peguam dan profesor universiti serta para pegawai tentera yang masih muda telah muncul sebagai golongan yang anti-kerajaan.<sup>25</sup> Sehubungan dengan perkara, kedutaan British di Saigon telah melaporkan bahawa:

... M. Diem was losing the confidence of the educated professional, administrative and business classes in the capital; members of these classes, including people who had come to positions of influence with his regime and still professed personal loyalty to him, became increasingly outspoken about restrictions on the freedom of press and assembly, lack of ministerial responsibility, administrative inefficiency and above all corruption and nepotism.<sup>26</sup>

Dalam pada itu, pemerintahan Presiden Diem juga terlalu dipengaruhi oleh adiknya iaitu Ngo Dinh Nhu serta isterinya Madam Nhu. Penglibatan adik dan isterinya dalam politik Presiden Diem telah banyak menimbulkan kepincangan dalam kerajaan tersebut dan telah turut menerima tentangan dari rakyat kerana mereka telah menyalahgunakan kuasa.

... M. and Mme Nhu are widely alleged to be the centre of an extensive network of favouritism, commercial racketeering and corruption. While these charges are difficult to substantiate, M. Nhu certainly wields enormous power through an elaborate system of secret agents and he has become the focus on which political dissatisfaction now mainly centre.<sup>27</sup>

Walaupun pihak AS pernah menasihati Presiden Diem supaya mengurangi gejala nepotisme dan menyekat perlakuan keluarganya tetapi nasihat ini tidak diterima malah Presiden Diem telah bersikap anti-AS terutama apabila masalah dalaman rejimnya dikritik hebat oleh media AS.<sup>28</sup>

Selain dari itu, amalan rasuah ini juga turut diamalkan oleh pegawai-pegawai dalam rejim Diem. Contohnya General Vien telah menerima sebanyak 500,000 piastres Vietnam sehari dari Grand Monde iaitu sebuah pertubuhan perjudian terbesar di Timur Jauh yang beroperasi di Vietnam Selatan. Jumlah wang tersebut adalah sebagai cukai dari Grand Monde.<sup>29</sup> Seterusnya, bekas Gabenor Annam iaitu Phan Van Gio yang juga teman baik kepada Bao Dai turut ditahan oleh Presiden Ngo Dinh Diem kerana menggelapkan wang negara. Beliau dikatakan telah menggelapkan sejumlah 5,600,000 piastres Vietnam (\$AS 1,568,000).<sup>30</sup>

Selain dari rejim Diem, rejim Thieu yang berkuasa di Vietnam Selatan menjelang kejatuhan negara itu ke tangan komunis pada tahun 1975 juga merupakan sebuah kerajaan yang korupsi dan menghadapi penentangan dari rakyat yang hampir sama dengan apa yang dihadapi oleh kerajaan Diem.<sup>31</sup>

Sementara itu dari aspek politik dan kemasyarakatan juga, kejayaan kerajaan British dalam menentang ancaman komunis juga disebabkan oleh corak perkauman iaitu orang-orang Melayu dan Cina yang telah sedia wujud di Malaysia pada ketika itu. Soal ini berkait rapat dengan keanggotaan penduduk-penduduk dalam pasukan pertahanan Malaysia semasa Darurat. Rata-rata anggota pasukan keselamatan pada masa itu terdiri dari orang Melayu dan hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat Cina yang turut mengambil bahagian dalam menentang PKM. Walaupun terdapat bantuan ketenteraan dari Negara-Negara Komanwel<sup>32</sup> namun apa yang penting untuk dibincangkan di sini ialah dari segi semangat perjuangan pasukan keselamatan yang terdiri dari orang-orang Melayu ketika itu dalam menentang PKM. Satu perkara yang agak ketara dari sudut kemasyarakatan yang telah muncul akibat dari peristiwa Darurat ialah wujudnya perasaan perkauman yang begitu tebal di kalangan orang-orang Melayu dan Cina di negara ini.<sup>33</sup>

Keadaan ini terjadi kerana pergerakan komunis di Malaysia rata-ratanya telah dianggotai oleh bangsa Cina. Oleh yang demikian telah timbul anggapan bahawa pergerakan PKM merupakan pergerakan kaum Cina. Dominasi orang-orang Cina dan dasar PKM sendiri yang mengutamakan pengaruhnya di kalangan masyarakat Cina telah mewujudkan jurang perkauman dalam parti itu. Menurut Carnell:

... the communist movement itself is merely communalism under a new guise, a bid for power by a group of Chinese who have rejected the middle-class leadership customary in the past in the plural society situation.<sup>34</sup>

Berikutan dengan langkah PKM itu, ia telah gagal untuk mewujudkan paduan tenaga di kalangan bangsa yang ada di Malaysia terutamanya antara orang-orang Melayu dan Cina bagi membentuk pergerakan nasionalis Malaya atau *Malayan nationalist movement* yang benar-benar berkesan.<sup>35</sup> Tambahapula

penerimaan orang-orang Melayu terhadap ideologi komunis sangat terhad kerana mereka beranggapan ideologi komunis yang menolak unsur-unsur agama dan ketuhanan itu bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>36</sup> Pada masa yang sama orang-orang Melayu di negara ini percaya bahawa kerajaan British merupakan pelindung dan bukan merupakan musuh mereka.<sup>37</sup> Jadi dalam soal ini kerajaan British telah memenangi masyarakat Melayu dari segi psikologi. Dalam masa yang sama faktor etnik telah membatasi penerimaan PKM di kalangan masyarakat Melayu.

Sementara di sebelah pihak yang lain iaitu dalam pasukan keselamatan kerajaan, sebahagian besar dari keanggotaannya terdiri dari orang-orang Melayu. 'Pembahagian' ini telah mendatangkan implikasi yang besar dalam hubungan kaum di negara ini. Berkenaan dengan perkara ini, Zainal Abidin Abdul Wahid menjelaskan:

Salah satu daripada akibat darurat yang paling mendukacitakan ialah telah memperhebatkan lagi pergeseran antara kaum. Gerakan komunis di Tanah Melayu dimonopoli oleh penduduk keturunan Cina dan ramai orang menganggap bahawa gerakan itu merupakan gerakan orang Cina. Sebaliknya pula, kebanyakan daripada anggota pasukan keselamatan Kerajaan terdiri dari orang Melayu - sama ada dalam Pasukan Polis ataupun Askar Melayu. Oleh itu, kita telah dipaparkan dengan satu keadaan di mana faham politik yang bertentangan di antara Kerajaan British dengan Parti Komunis Tanah Melayu yang dimasukkan pula dengan unsur perkauman.<sup>38</sup>

Akibat dari wujudnya perasaan perkauman ini, ia telah turut menjadi pendorong kepada sebahagian besar pasukan keselamatan kerajaan untuk menentang PKM. Semangat ini juga merupakan faktor yang agak penting dalam menentukan kejayaan pasukan keselamatan khususnya dan kerajaan British amnya dalam menentang perjuangan PKM.<sup>39</sup>

Berlainan dengan keadaan di Vietnam Selatan, pertentangan yang wujud antara pihak bukan komunis di negara itu dengan pihak komunis Vietminh dari Vietnam Utara dan komunis Vietcong Vietnam Selatan<sup>40</sup> merupakan pertentangan antara satu bangsa. Dengan demikian faktor ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi semangat perjuangan tentera dan pasukan keselamatan di Vietnam Selatan dalam menentang musuh yang sebangsa. Hal ini boleh dibuktikan melalui pendapat yang dikemukakan oleh Roy Jumper dan Marjorie Weiner:

Banyak faktor keselamatan yang tidak menguntungkan telah dihadapi oleh kerajaan Vietnam Selatan. Askar-askar kerajaan kadang-kadang kurang mempunyai semangat untuk berjuang, tetapi ini bukan disebabkan mereka bersikap pengecut tetapi Vietcong juga sebangsa seperti mereka.<sup>41</sup>

Dalam soal ini, beberapa perkara telah mempengaruhi keadaan di atas. Pertamanya ialah ikatan kekeluargaan dan kejiranan bagi masyarakat Vietnam adalah amat kuat. Menurut Ralph Smith:

The village as an institution was probably even more important in the traditional life of Viet-Nam ... In traditional Viet-nam it was most unusual for men to lose the sense of belonging to a particular village, even if they lived in a town or at the imperial court. When families migrated, they would still retain the sense of having moved away from some earlier home.<sup>42</sup>

Kenyataan di atas menunjukkan pemisahan wilayah Vietnam Utara dengan Vietnam Selatan yang telah dibuat dalam Perjanjian Geneva pada garisan 17° itu tidak bermakna bahawa kerajaan telah dapat memisahkan perasaan rakyat di kedua-dua buah wilayah. Lagipun pemisahan ini juga telah membolehkan pihak Vietnam Utara meninggalkan beribu-ribu kader komunis bagi tujuan mempengaruhi rakyat Vietnam Selatan yang kebanyakannya masih mempunyai ikatan persaudaraan supaya menyertai kegiatan mereka. Menurut laporan rasmi kerajaan Vietnam Selatan, terdapat kira-kira 53,536 orang kader Vietcong di negara tersebut.<sup>43</sup> Dilaporkan juga terdapat kira-kira 98,763 orang rakyat Vietnam Selatan yang mempunyai ikatan persaudaraan dengan kader-kader Vietcong. Dalam pada itu, AS juga telah gagal dalam usaha untuk menerapkan perasaan anti komunis kepada sebahagian besar rakyat Vietnam Selatan. Mereka (rakyat Vietnam Selatan) menganggap bahawa usaha tersebut sebahagian besarnya kerana menjaga kepentingan-kepentingan tertentu AS dan golongan yang berkepentingan di negara itu.<sup>44</sup> Jadi anggapan ini tentu sekali tidak dapat menyemarakkan semangat perjuangan anti-komunis di kalangan rakyat Vietnam Selatan.

Bagaimanapun kekalahan AS di tangan komunis bukanlah disebabkan oleh kelemahan dari segi ketenteraan dan peralatan senjata yang mana umumnya pertahanan AS di Vietnam Selatan banyak dibantu oleh kehadiran tentera-tenteranya. Pada tahun 1966, tentera AS yang terlibat dalam perang Vietnam berjumlah 485,500 orang. Jumlah ini meningkat kepada 542,000 orang menjelang tahun 1968. Angka ini merupakan jumlah yang paling tinggi tentang penglibatan tentera AS di Vietnam Selatan.<sup>45</sup> Namun demikian jumlah yang besar ini bukanlah merupakan penentu kepada kejayaan dalam perjuangan mereka.

Kebanyakan tentera AS di Vietnam Selatan merasakan bahawa perjuangan mereka adalah sia-sia sahaja kerana ianya adalah untuk kepentingan rakyat dan negara asing malah mereka merasakan penglibatan mereka cuma untuk kepentingan ideologi anti-komunis yang didokong oleh AS.<sup>46</sup>



Oleh yang demikian sebahagian dari tentera-tentera AS ini kurang 'committed' dalam perjuangan mereka menentang komunis di Vietnam Selatan dan setengah daripada mereka menolak untuk bertugas dan menentang arahan dari ketua mereka Mereka juga telah menghadapi masalah disiplin dan moral yang turut membawa kepada penyalahgunaan dadah yang berleluasa. Menjelang tahun 1970-an masalah ini menjadi lebih serius. Pada Jun 1971, Robert D. Heini seorang penganalisa tentera dari *Detroit News* menulis:

By every conceivable indicator, our army that now remains in Vietnam is in a state of approaching collapse, with individual units avoiding or having refused combat, murdering their officers and noncommissioned officers, drug-ridden, and dispirited where not near-mutinous.<sup>47</sup>

Masalah disiplin dan moral yang merebak di kalangan tentera-tentera AS ini sudah tentu mengurangkan semangat mereka dalam mempertahankan Vietnam Selatan dari ancaman komunis. Sementara itu masalah ini tidak timbul di kalangan pasukan pertahanan Malaysia. Oleh yang demikian kerajaan British (kemudiannya kerajaan Malaysia sendiri) lebih mudah menangani ancaman PKM kerana pasukan keselamatan negara ini lebih bertanggungjawab dan bersemangat untuk mempertahankan tanahair mereka sendiri.

#### ASPEK STRATEGI DAN SEMPADAN GEOGRAPHI

Kejayaan British di Malaysia dan kegagalan AS dalam menentang ancaman komunis di Vietnam Selatan juga berkait rapat dengan soal strategi dan sempadan geografi. Dalam usaha untuk membentaras ancaman komunis, kerajaan British di Malaysia melihat peranan negara Thai adalah sangat penting. Negara Thai merupakan negara penampan (*buffer state*) bagi Malaysia dalam usaha untuk menyekat kemaraan komunis.<sup>48</sup> Selaras dengan kepentingan ini, kerajaan British telah mengadakan hubungan baik dengan kerajaan Thailand terutamanya dalam mengadakan pengawasan disempadan bersama. Pada 17 Mei 1949, Menteri Luar Siam, Pridi Debyabong telah mengumumkan bahawa kerajaan Thai telah bekerjasama dengan kerajaan British dalam usaha untuk membentaras kegiatan komunis di sempadan Malaysia-Thailand.<sup>49</sup> Seterusnya pada 1 September 1949, satu perjanjian sempadan iaitu Perjanjian Sempadan Polis Malaya-Thai (*Malayan - Thai Police Border Agreement*) telah ditandatangani.<sup>50</sup>

Oleh kerana kedudukannya yang bersempadan dengan Malaysia, Thailand telah digunakan oleh pihak komunis terutama dari Vietnam sebagai jalan masuk secara menyeludup ke Malaysia. Selain dari itu, kegiatan penyeludupan senjata juga turut dijalankan menerusi negara ini.<sup>51</sup> Di samping itu juga latihan-latihan ketenteraan untuk ahli-ahli PKM juga turut dijalankan di wilayah selatan

Thai.<sup>52</sup> Akhbar *The Times* melaporkan,

Yala is less than 10 miles from the communist-dominated frontier town of Betong, at the tip of the salient of Siamese territory jutting into northern Malaya, and the seized arms were obviously destined for Communist terrorists in Malaya, who use Southern Siam as a sanctuary and training area. Siam, as a sanctuary and training area. Siam, traditionally friendly and accomodating, has long been used as abse by traffickers in arms.<sup>53</sup>

Hal ini juga telah diterangkan oleh Gene Z. Hanrahan. Menurut beliau, 'in early years of the struggles, the Red high command found it expedient to replenish its leadership from a pool of specially trained Chinese who filtered into Malaya by way of the Thailand border.'<sup>54</sup> Oleh yang demikian, dengan adanya perjanjian sempadan Malaysia-Thailand, maka bantuan-bantuan dari China dan Vietnam juga Burma yang cuba dibawa masuk melalui Thailand untuk diberikan kepada PKM tidak dapat dilakukan. Ini adalah akibat daripada perjanjian sempadan yang telah ditandatangani itu kerajaan Thailand telah bersetuju untuk menutup (*sealed*) sempadan Malaysia-Thailand bagi menyekat laluan dan perhubungan antara PKM dengan China, Vietnam Utara dan Burma, sebagaimana yang diminta oleh kerajaan British.<sup>55</sup> Langkah dan strategi yang dilakukan oleh British ini telah berjaya menyekat bantuan dari negara-negara yang telah disebutkan tadi dari sampai ke tangan PKM. Sehubungan dengan itu ia telah membatasi pergerakan PKM yang sebahagian besarnya banyak menggunakan senjata-senjata lama yang ditinggalkan oleh tentera Jepun dan kerajaan British selepas Perang Dunia II.<sup>56</sup>

Manakala bagi pihak AS di Vietnam Selatan pula, hubungannya dengan Vietnam Utara adalah tidak baik. Ini disebabkan Vietnam Utara merupakan negara utama yang memainkan peranan dalam mencetuskan pemberontakan komunis di Vietnam Selatan. AS juga telah menuduh Hanoi mencero boh masuk ke wilayah Vietnam Selatan.<sup>57</sup> Selain dari itu, Pasukan Barisan Pembebasan Kebangsaan (*National Liberation Front (NLF)*) di wilayah Hue juga dikatakan telah dibantu oleh regim komunis di Vietnam Utara.<sup>58</sup> Sebagai tekanan atau tindak balas ke atas regim komunis di Vietnam Utara, pada 7 Februari 1965, kapal terbang-kapal terbang AS telah mengebom kawasan-kawasan tertentu di Vietnam Utara yang berhampiran dengan garisan pemisah 17°.<sup>59</sup>

Dalam soal ini, satu perkara yang begitu berbeza atau bertentangan antara Thailand dan Vietnam Utara ialah, Thailand merupakan negara bukan komunis dan turut menentang ancaman komunis sepertimana kerajaan British di Malaysia. Dengan ini, kerjasama Thailand dengan kerajaan British di Malaysia mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk membasmi ancaman komunis, dan hubungan dan kerjasama ini dapat diadakan dengan lebih baik lagi. Sebaliknya, Vietnam Utara pula merupakan negara utama yang telah menyokong serta mendorong gerakan dan pemberontakan komunis di Vietnam Selatan.

Sehubungan dengan itu adalah amat sukar bagi AS untuk mendekati rejim itu dalam usaha untuk menyekat kemaraan komunis ke Vietnam Selatan.

Bagi menghapuskan ancaman komunis antara strategi penting yang telah dijalankan oleh kerajaan British di Malaysia ialah melancarkan Operasi Perang Saraf (*Psychological Warfare*). Ia telah diperkenalkan oleh Sir Gerald Templar yang bertugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia dari tahun 1952-1954. Perang Saraf ini bertujuan untuk 'memenangi hati dan fahaman rakyat' (*gain the hearts and minds of the people*)<sup>60</sup> di negara ini. Strategi ini juga merupakan antara serangan balas terhadap PKM yang telah berjaya meracuni fikiran sebahagian daripada masyarakat di negara ini. Dalam menjayakan Operasi Perang Saraf ini beberapa langkah telah dijalankan. Antaranya ialah *Safe Conduct Passes* dan *Reward Pardon*.<sup>61</sup> *Safe Conduct Passes* merupakan tawaran jaminan keselamatan, kewangan dan kesihatan kepada ahli-ahli PKM yang menyerah diri kepada kerajaan. Manakala *Reward Pardon* pula merupakan ganjaran (selalunya berupa wang) kepada pemberi-pemberi maklumat tentang pemimpin atau kegiatan PKM.<sup>62</sup>

Bagi memastikan maklumat-maklumat dan tawaran serta seruan penyerahan diri ini diterima oleh seluruh rakyat termasuk oleh anggota-anggota PKM, pihak berkuasa telah menggunakan *voice-aircraft* yang dilengkapi dengan pita-pita rakaman.<sup>63</sup> Pita-pita rakaman ini mengandungi seruan dari bekas ahli-ahli PKM yang telah menyerah diri supaya rakan-rakan mereka yang masih berada di hutan keluar untuk turut sama menyerah diri. Cara ini telah berjaya menarik sebilangan ahli PKM untuk menyerah diri. Salah seorang dari bekas ahli PKM membuat pengakuan yang berbunyi:

A day or two later the aircraft again broadcast to us. This time the broadcast was directed at me and Tan Piow calling us by name and said that both of us no longer had a leader and our livelihood would be very difficult. Make haste to leave the jungle or else we will face danger if we hesitate. Surrender to the government for we will be well treated. But I was frightened to leave then as Tan Piow was with me.<sup>64</sup>

Seruan dari rakan-rakan mereka yang telah menyerah diri kepada pihak kerajaan telah menjadi sokongan moral kepada ahli-ahli PKM yang lain supaya meninggalkan PKM dan kembali ke pangkuan masyarakat. Selain dari itu, kesukaran dalam menjalani kehidupan di hutan juga telah menjadi faktor utama yang telah mendorong ahli-ahli PKM untuk menyerah diri. Tambahan lagi melalui tawaran-tawaran penyerahan diri yang disiarkan melalui *voice-aircraft* dan risalah-risalah yang digugurkan, ahli-ahli PKM lebih yakin bahawa kehidupan mereka selepas penyerahan diri lebih selamat dan terjamin.

Many of the guerrillas emerged from the jungle disillusioned with a life which forced them to live under harsh physical conditions and with the constant threat of attack from the Government security forces.<sup>65</sup>

Bagi menggalakkan anggota-anggota pengganas komunis PKM menyerah diri, Templer telah menjalankan usaha menggugurkan risalah-risalah seruan penyerahan diri. Pada bulan Oktober 1953, sebanyak dua puluh juta risalah telah digugurkan. Antara seruan yang terkandung dalam risalah ini ialah 'start a new life ... build a new Malaya'.<sup>66</sup> Dalam risalah-risalah ini juga turut terkandung gambar-gambar keluarga dan orang-orang kesayangan mereka. Hal ini sudah tentu memberikan dan mendorong mereka untuk keluar dari hutan. Usaha-usaha dari pihak kerajaan ini ternyata telah memberikan kesan yang positif dalam menarik bilangan ahli-ahli PKM untuk menyerah diri. Selepas Operasi Perang Saraf diperkenalkan pada tahun 1952 bilangan mereka yang menyerah diri semakin meningkat. Ia dapat dilihat dari perangkaan ini: 1949 seramai 251 ahli PKM yang menyerah diri, 1950 seramai 147 orang, 1951 seramai 201 orang, 1952 seramai 257 orang dan 1953 seramai 372 orang ahli PKM menyerah diri.<sup>67</sup>

Sementara itu kerajaan juga telah menawarkan hadiah yang tinggi kepada pemberi maklumat tentang pergerakan dan kegiatan komunis dan juga maklumat yang membolehkan penangkapan pemimpin-pemimpin PKM. Contohnya hadiah wang bernilai 60,000 hingga \$250,000 ditawarkan kepada pemberi maklumat yang menyebabkan tertangkapnya Chin Peng.<sup>68</sup> Bagi melancarkan lagi usaha Operasi Perang Saraf ini kerajaan telah menggunakan seluruh jentera pentadbirannya. Semasa darurat, Jabatan Penerangan kerajaan ini telah diperbesarkan dan ia turut berfungsi sebagai penyebar propoganda kerajaan.<sup>69</sup> Propaganda-propaganda memberikan gambaran negatif tentang komunis ini antara lain berbentuk filem-filem dan melodirama yang dipentaskan dan dipersembahkan kepada para penduduk. Ia telah dilakukan oleh bekas-bekas ahli PKM yang telah menyerah diri kepada kerajaan.<sup>70</sup> Seterusnya untuk mengawal perhubungan antara golongan masyarakat yang bersimpati dengan PKM, kerajaan telah mengadakan perintah berkurung di kawasan-kawasan yang terdapat aktiviti komunis. Kawasan ini juga dilebelkan Kawasan Hitam (*Black Area*) manakala kawasan yang tidak terdapat aktiviti komunis dilebelkan sebagai Kawasan Putih (*White Area*).<sup>71</sup>

Selain dari itu, bagi tujuan mengawal pergerakan komunis juga, kerajaan telah mengadakan kad pengenalan untuk semua penduduk dan pihak berkuasa akan menahan orang-orang yang bergerak tanpa kad pengenalan. Tindakan ini telah berjaya menghalang komunis dari bergerak bebas di negara ini terutamanya di kawasan-kawasan kampung dan tempat-tempat awam.<sup>72</sup> Dalam usaha untumemperhebatkan kempen-kempen anti-komunis ke seluruh negara, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Perang (*Executive War Committee*) pada tahun 1953. Antara kempen yang telah dijalankan ialah membakar gambar

Chin Peng serta mengadakan perarakan dengan membawa sepanduk-sepanduk yang bertulis sokongan anti-komunis.<sup>73</sup> Segala usaha-usaha kerajaan dalam Operasi Perang Saraf ini berupa strategi 'serampang dua mata'; iaitu di samping telah berjaya melemahkan pengaruh komunis, dalam masa yang sama kerajaan telah berjaya menarik dan menambahkan sokongan dari pihak rakyat dalam usaha untuk menghapuskan komunis. Namun begitu penampilan para pegawai kerajaan terutamanya Sir Gerald Templar yang mudah didekati dan seringkali kelihatan mengambil berat tentang keadaan masyarakat telah menambahkan lagi sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan untuk menghapuskan ancaman komunis.<sup>74</sup>

Operasi Perang Saraf juga telah turut dijalankan di Vietnam Selatan dalam usaha kerajaan untuk mengatasi ancaman dari komunis. Pihak berkuasa di Vietnam Selatan turut menyedari bahawa perang psikologi ini merupakan antara cara yang penting bagi tujuan menghadapi ancaman dari pihak komunis.

... there was much talk about the significance of the 'other war' about winning the hearts and minds of the people, the importance of defeating the enemy's insurgency through political and social reform and so forth, but in reality pacification took a back seat and efficacy of psychological operations was commonly measured by the number of leaflets dropped and the number of loudspeaker broadcasts made.<sup>75</sup>

Sehubungan dengan usaha untuk mengadakan operasi ini, pada bulan November 1964 satu kumpulan tentera yang dipanggil *Psychological Warfare Officers* dari *Army of the Republic of Vietnam* telah ditubuhkan<sup>76</sup> oleh pihak berkuasa di Vietnam Selatan dengan menggunakan cara-cara yang hampir sama dengan apa yang telah dijalankan oleh kerajaan British di Malaysia. Antaranya ialah pada April 1965, Cawangan Perang Saraf (*Psychological Warfare Branch*) telah menggugurkan risalah dan menggunakan *air-voice* ke kawasan-kawasan Vietcong.<sup>77</sup> Di samping itu kerajaan Vietnam Selatan juga telah turut mewajibkan penduduk-penduduk di negara itu memiliki kad pengenalan.<sup>78</sup>

Namun begitu usaha-usaha Perang Saraf di Vietnam Selatan telah gagal dalam mencapai matlamat untuk mengatasi ancaman komunis. Faktor utama yang telah menyebabkan kegagalan ini ialah masyarakat Vietnam Selatan kurang memberikan kerjasama terhadap usaha-usaha kerajaan kerana pihak Vietcong lebih berjaya menguasai penduduk-penduduk di negara itu.<sup>79</sup> Para penduduk juga lebih takut kepada Vietcong berbanding dengan tentera-tentera kerajaan. Faktor-faktor ini telah menggagalkan beberapa langkah kerajaan dalam menjalankan Operasi Perang Saraf seperti mengadakan undang-undang pemilikan kad pengenalan. Perkara ini dilaporkan oleh salah seorang pegawai tentera AS di Vietnam:

If we use ID cards they catch the people in the field and make them tear them up, and if they felt like it they will report it - if not, they don't. Why should they? No one ever checks them.<sup>80</sup>

Menurut Clutterbuck, kegagalan ini disebabkan oleh anggota-anggota Vietcong bebas bergerak dalam kampung-kampung di Vietnam Selatan.<sup>81</sup> Oleh kerana terdapat hubungan yang rapat antara Vietcong dengan masyarakat tempatan Vietnam Selatan, mereka boleh menyembunyikan senjata-senjata mereka di ladang-ladang dan sawah-sawah padi.<sup>82</sup> Jadi di sini ternyata sekali bahawa faktor keupayaan Vietcong dalam bergerak dan berhubung dengan masyarakat tempatan di Vietnam Selatan telah menyukarkan pelaksanaan operasi Perang Saraf di negara itu. Selain dari itu, oleh kerana pengaruh Vietcong begitu kuat di Vietnam Selatan, penduduk-penduduk negara itu merasa ragu tentang keberkesanan usaha-usaha kerajaan bagi menghapuskan komunis.<sup>83</sup>

Seruan penyerahan diri di kalangan ahli-ahli komunis juga telah tidak mendapat sambutan. Ini kerana tidak ada jaminan yang kukuh dari pihak berkuasa terhadap kehidupan mereka selepas penyerahan diri nanti terutama dari segi keselamatan. Sekiranya di Malaysia terdapat bekas-bekas ahli PKM kemudiannya hidup senang dan dihormati hasil dari sumber kewangan yang dihadiahkan oleh kerajaan dan kawalan keselamatan oleh pihak polis terhadap mereka,<sup>84</sup> perkara yang sebaliknya telah menimpa komunis Vietcong yang menyerah diri kepada kerajaan. Oleh kerana tidak mendapat perlindungan dari pihak yang berkuasa, mereka kemudiannya telah ditawan semula oleh Vietcong. Selain dari keselamatan keluarga mereka yang turut terancam berikutan dengan tindakan penyerahan diri mereka itu di samping kehidupan mereka juga terus-menerus miskin. Ini kerana pihak berkuasa Vietnam Selatan jarang memberikan ganjaran kepada penduduk-penduduk yang memberikan maklumat-maklumat mengenai kegiatan komunis kepada kerajaan.<sup>85</sup>

Di samping faktor-faktor di pihak masyarakat dan ahli-ahli komunis, soal motivasi para pegawai turut menjadi faktor kepada kegagalan perang psikologi di Vietnam Selatan. Menurut Clutterbuck, pegawai-pegawai Melayu yang bertugas semasa Darurat (termasuk dalam Operasi Perang Saraf) mempunyai motivasi yang lebih tinggi berbanding dengan pegawai-pegawai Vietnam Selatan kerana sebab utamanya ialah tentera-tentera di Malaysia yang sebahagian besarnya terdiri dari orang-orang Melayu bimbang sekiranya komunis berjaya menguasai Malaysia bermakna negara ini akan jatuh ke tangan orang-orang Cina.<sup>86</sup> Sementara itu tentera Vietnam Selatan di peringkat wilayah pula sering menghadapi tekanan dari pegawai-pegawai yang lebih tinggi pangkatnya yang mempunyai kepentingan peribadi dan usaha untuk menyaingi pegawai-pegawai lain dalam kerjaya mereka.<sup>87</sup>

Keadaan ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai Vietnam Selatan yang terlibat dalam mengawal kampung-kampung mempunyai beberapa masalah

yang menjejaskan prestasi dan motivasi mereka. Selain dari itu, keselamatan keluarga mereka juga seringkali terancam kerana anggota-anggota Vietcong sentiasa berkeliaran di kampung-kampung mereka. Keadaan ini telah menimbulkan ketakutan di kalangan para pegawai itu dan ia turut menjejaskan motivasi mereka.<sup>88</sup>

Selain dari itu Vietnam Selatan juga mengalami masalah kekurangan para pegawai yang berpengalaman dalam soal-soal pertahanan. Ini kerana berikutan dengan penurunan Bao Dai, para pegawai *senior* yang berkhidmat semasa berkuasanya telah dipecat oleh Ngo Dinh Diem dan digantikan dengan pegawai-pegawai yang mempunyai hubungan persaudaraan dan persahabatan dengan Presiden Diem.<sup>89</sup>

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kerajaan British telah berjaya dalam mencapai matlamat bagi menentang komunis melalui Operasi Perang Saraf sebaliknya kerajaan Vietnam Selatan telah gagal walaupun mereka telah mengambil langkah-langkah yang hampir sama dengan apa yang telah dijalankan di Malaysia. Perkara pokok yang telah menjadi penentu kepada pencapaian kedua-dua kerajaan ini ialah soal penerimaan dan sokongan dari masyarakat tempatan terhadap usaha-usaha tersebut. Ia juga berkait rapat dengan bagaimana pelaksanaan terhadap strategi itu dibuat serta sejauh mana kekuatan atau kelemahan pihak komunis yang terdapat di kedua-dua buah negara.

Selain dari faktor-faktor strategi, faktor sempadan geografi juga telah turut mempengaruhi pencapaian Malaysia dan Vietnam Selatan dalam menentang ancaman komunis. Dari sudut geografi, Malaysia merupakan sebuah negara kecil yang berjiran dengan Thailand dengan kedudukan Laut China Selatan di sebelah timur manakala di sebelah baratnya ialah Selat Melaka yang merupakan sempadan bagi Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Indonesia. Sempadan ini telah membatasi pergerakan PKM. Dari segi bekalan senjata, PKM hanya mampu menggunakan senjata-senjata lama yang ditinggalkan oleh tentera-tentera Jepun dan kerajaan British selepas Perang Dunia II.<sup>90</sup>

Sementara itu bagi Vietnam Selatan pula, negara itu mempunyai sempadan negara yang panjang iaitu kira-kira sebelas ribu km.<sup>91</sup> Negara-negara yang bersempadan dengan Vietnam Selatan ialah Laos dan Kemboja. Negara-negara jirannya ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan pencapaian pihak komunis di Vietnam Selatan. Dalam hal ini, Laos dan Kemboja merupakan antara negara yang menyokong perjuangan komunis di Vietnam Selatan.<sup>92</sup> Sementara itu, Vietnam Utara yang bersempadan dengan Vietnam Selatan di sebelah utara adalah merupakan negara utama yang telah membantu pergerakan dan perjuangan pihak komunis dalam menentang kerajaan Vietnam Selatan.<sup>93</sup> Dalam pada itu juga, Kemboja dan Laos turut membenarkan senjata-senjata dari luar terutamanya dari China dan Vietnam Utara dibawa masuk ke Vietnam Selatan melalui Ho Chi Minh Trail (yang merentasi selatan

Laos) untuk dibekalkan kepada Vietcong.<sup>94</sup>

Faktor geografi yang lain ialah soal sempadan etno-linguistik. Baik Malaysia mahupun Vietnam Selatan, masing-masing mempunyai sempadan negara yang meliputi kawasan tempat tinggal masyarakat orang-orang asli.<sup>95</sup> Bagi sempadan Malaysia - Thailand, sebahagian darinya adalah merupakan pertempatan masyarakat orang-orang asli suku Semang<sup>96</sup> dan juga kumpulan minoriti yang dikenali sebagai suku Sam-Sam. Mereka terdiri dari kumpulan-kumpulan masyarakat *native* yang kebanyakannya menyokong kerajaan British. Sokongan ini agak jelas apabila ramai dari mereka telah menyertai pasukan Senoi Praq.<sup>97</sup> Walaupun mereka mempunyai hubungan dengan pihak PKM, (contohnya masyarakat Sam-Sam dikatakan berhubung rapat dengan pihak komunis dan PKM terlibat dalam menolong mereka bercucuk tanam dan membeli beras mereka dengan harga yang lebih mahal dari harga pasaran),<sup>98</sup> namun pihak British telah berjaya menarik sokongan mereka untuk menyokong kerajaan. Sokongan ini didapati melalui usaha-usaha British yang telah memberikan perhatian kepada kebajikan sosial mereka dengan menyediakan kemudahan perhubungan seperti jalanraya, perubatan, pemasaran hasil-hasil tanaman dan pendidikan serta keselamatan tanpa menjejaskan corak kehidupan tradisi mereka.

As with the aborigines, the answer was for the government to provide the Sum-Sum with more of the things they wanted than the Communists could give them - security, education, medical care, and an easier market for their crops ... Doctors and teachers work among them, and a regular truck collects their produce for cash ...<sup>99</sup>

Usaha kerajaan British telah berjaya menghalang pihak PKM menghubungi masyarakat Sam-Sam. PKM juga sedar bahawa mereka tidak boleh lagi bergerak di kalangan Sam-Sam kerana masyarakat ini akan melaporkan kehadiran mereka kepada pihak keselamatan.<sup>100</sup> Keadaan ini telah menyebabkan PKM terpaksa berundur jauh ke dalam hutan tebal. Ia juga telah turut menimbulkan kesulitan di kalangan mereka untuk berhubung dengan orang-orang Cina yang tinggal di pinggir-pinggir hutan. Implikasi yang besar terhadap keadaan ini ialah PKM telah kehilangan hubungan dengan kumpulan-kumpulan masyarakat yang selama ini telah membantu mereka.<sup>101</sup>

Di Vietnam Selatan pula, kumpulan orang asli yang mendiami sempadan Vietnam Selatan - Kemboja - Laos - Vietnam Utara kebanyakannya terdiri dari suku kaum Mon-Khmers atau dikenali juga sebagai *Montagnards*.<sup>102</sup> Sebahagian besar dari mereka merupakan penyokong-penyokong pihak komunis. Menurut Alan Bennett, kumpulan *Montagnards* ini sebahagiannya merupakan kumpulan masyarakat orang asli yang dikuasai dan dipengaruhi oleh Vietcong.<sup>103</sup> Memandangkan kepada jumlah kaum *Montagnards* ini begitu ramai iaitu kira-kira 600,000 orang maka mereka turut memainkan peranan yang agak besar



dalam menentukan keselamatan Vietnam Selatan. Rata-rata dari mereka tidak pernah menerima kemudahan ekonomi dan sosial dari kerajaan. Keadaan ini menyebabkan mereka dengan mudah dapat dikuasai oleh Vietcong yang lebih banyak membantu mereka berbanding dengan kerajaan Vietnam Selatan.<sup>104</sup> Kadangkala oleh kerana kedudukan suku kaum *Montagnards* di Vietnam Selatan tersepit disebabkan ancaman dan tekanan dari Vietcong di satu pihak serta tekanan dari pihak AS dan kerajaan Vietnam Selatan termasuk tuan-tuan tanah di satu pihak yang lain, menyebabkan mereka telah mengambil sikap menyebelahi kedua-dua belah pihak tersebut dan menyerahkan masa depan mereka kepada nasib sahaja. Perkara tersebut telah dibincangkan oleh Alan Bennett,

...Previously these aboriginal hill tribes had been so caught between the implacable pressure of the Viet Cong on one side and of economic exploitation by the lowland Vietnamese on the other, that many of them had come to believe fatalistically in the inevitability of their own extinction, a situation which the Viet Cong could then exploit for propaganda purposes.<sup>105</sup>

Selain dari itu, sikap suku kaum *Montagnards* juga turut dipengaruhi oleh faktor negara-negara jiran Vietnam Selatan. Misalnya sikap Laos, Kemboja dan Vietnam Utara yang menyokong perjuangan pihak komunis di Vietnam sedikit sebanyak telah membentuk sikap suku kaum *Montagnards* supaya menyokong pergerakan komunis di Vietnam Selatan. Tambahan pula *Ho Chi Minh Trail* yang merentasi sempadan-sempadan Laos - Vietnam Selatan - Kemboja merupakan 'talian' yang menghubungkan kelompok-kelompok orang asli di sana. Perhubungan antara suku kaum *Montagnards* ini dipermudahkan lagi melalui penggunaan bahasa yang hampir sama antara mereka.<sup>106</sup>

#### ASPEK RANCANGAN BRIGGS DAN RANCANGAN STRATEGIC HAMLETS

Rancangan Briggs juga merupakan antara beberapa strategi yang telah dijalankan oleh kerajaan British dan merupakan antara faktor terpenting dalam menewaskan PKM. Namun demikian, dari segi kesannya terdapat dua perkara yang begitu berbeza yang telah dicapai oleh Malaysia berbanding dengan Vietnam Selatan mengenai program Kampong Baru dan *Strategic Hamlets*. Di Malaysia, rancangan ini telah berjaya menyekat pengaruh dan ancaman komunis. Ini adalah merupakan antara kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan British. Walau bagaimanapun rancangan ini telah mengakibatkan terbentuknya Kampong-Kampong Baru yang telah mewujudkan pengelompokan mengikut kaum iaitu satu pengasingan masyarakat kaum Cina.

Menyentuh mengenai perkara ini, menurut Kernial Singh Sandhu,

Darurat yang bermula pada tahun 1948 hingga ke tahun 1960 di Tanah Melayu telah membawa penukaran asas kepada hampir semua aspek penghidupan di Tanah Melayu. Tetapi mungkin satu kesan yang paling besar yang boleh dilihat berhubung dengan Penempatan Semula (resettlement) ialah wujudnya Kampung-Kampung Baru yang berjumlah hampir kira-kira 550 buah.<sup>107</sup>

Keseluruhan dari Kampong-Kampong Baru yang ditubuhkan semasa Darurat terletak di Pantai Barat Malaysia. Sebahagian besar kawasan ini terletak di negeri Johor dan Perak. Peratusan penduduk yang ditempatkan di Kampong-Kampong Baru ini terdiri dari 85 peratus berbangsa Cina, 9 peratus India dan 1 peratus bangsa-bangsa lain.<sup>108</sup>

Keadaan ini telah mewujudkan kesan politik dan sosial yang berpanjangan di Malaysia. Selain dari mewujudkan pengelompokan penempatan mengikut kaum, rancangan ini telah turut melayakkan orang-orang Cina menjadi warga negara Malaysia. Di Kampong-Kampong Baru, kaum Cina telah diberi peluang mencapai taraf politik bagi menunjukkan kesetiaan mereka.<sup>109</sup> Mereka telah diberi peluang untuk menyuarakan hal-hal mereka melalui *village council*. Menurut Kernial Singh lagi, 'In the long term, the new villages helped Chinese Squatters into a Malayan citizenship'.<sup>110</sup> Selain dari itu, kerajaan British juga turut menggalakkan penubuhan parti politik bagi kaum Cina. Ia bertujuan supaya masyarakat Cina akan mengalihkan sokongan mereka dari PKM kepada sebuah parti politik yang sah. Ini kerana sebahagian besar dari penglibatan masyarakat Cina dalam PKM adalah kerana kecenderungan faham politik mereka dan juga kerana adanya tali persaudaraan antara anggota PKM dengan mereka.<sup>111</sup> Oleh itu, pada 27 Februari 1949 Persatuan Cina Tanah Melayu (*Malayan Chinese Association*) (MCA) telah ditubuhkan.<sup>112</sup> Penubuhan MCA ini secara tidak langsung menunjukkan kepercayaan pihak British terhadap masyarakat Cina untuk melibatkan diri dalam politik. Ia juga merupakan satu pertubuhan politik yang bersifat alternatif terhadap PKM. Memandangkan kerajaan British memperuntukkan peluang yang banyak termasuklah peluang status kewarganegaraan, maka MCA telah mendapat sambutan dari kalangan masyarakat Cina.

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa MCA kini menjadi satu pilihan bagi masyarakat Cina yang selama ini hanya mempunyai satu pertubuhan yang mirip kepada pertubuhan kaum mereka iaitu PKM. Sehubungan dengan itu berikutan dengan penubuhan MCA, pengaruh PKM telah merosot: Menurut Hajost, 'The MCP regarded the establishment of the MCA with hostility, because its course would weaken the hold of the MCP on the squatter population'.<sup>113</sup> Oleh yang demikian, pemberian taraf kewarganegaraan dan penubuhan MCA dapat dikatakan sebagai langkah kerajaan British bagi menarik sokongan dan ketaatsetiaan warga Cina terhadap Malaysia dan menggenepikan PKM.

Dari aspek politik juga kerajaan British sedar bahawa mereka mampu

mengalihkan sokongan rakyat terhadap PKM kepada kerajaan melalui kerjasama dalam bidang politik.

The government realized that coercion, while useful as a temporary backstopping measure and a physical deterrent to prevent the people from helping communists, would never be able to generate enthusiastic support for government. Normative and utilitarian means were much more effective instruments of control. It was certainly a sophisticated move on the part of the British government when it decided to put more emphasis on the political struggle.<sup>11</sup>

Oleh yang demikian kerajaan British telah bersetuju untuk mengadakan pilihanraya umum yang pertama pada tahun 1955. Tindakan ini disifatkan sebagai antara petanda bahawa kerajaan British akan memberikan taraf kemerdekaan kepada Malaysia. Dalam pada itu, Perikatan (iaitu gabungan UMNO, MCA dan MIC) yang merupakan parti yang lebih dominan pada masa ini telah mengeluarkan manifesto pilihanraya 1955 yang bertemakan 'Merdeka Di Dalam 4 Tahun'.<sup>115</sup> Manifesto ini secara langsung telah menambahkan lagi sokongan rakyat terhadap parti Perikatan dan sekaligus kian mengurangkan sokongan rakyat terhadap PKM. Dari keterangan di atas apa yang dapat disimpulkan ialah dasar kerajaan British pada masa itu telah berjaya merapatkan lagi hubungan antara kerajaan dan rakyat dan sekaligus telah berjaya mengalihkan perhatian dan sokongan rakyat kepada PKM.

Berlainan dengan apa yang berlaku di Vietnam Selatan, rancangan penempatan semula yang turut diadakan di negara tersebut telah menemui kegagalan. Kegagalan program ini dikatakan sebagai satu kesilapan dari segi analogi. Pihak berkuasa di Vietnam Selatan telah gagal memahami aspek psikologi rakyat Vietnam Selatan. Sebahagian besar penduduk yang terlibat dalam rancangan ini ialah para petani. Menurut Phillippe Devillers, rancangan yang telah dilakukan oleh AS telah menimbulkan kebencian para petani.<sup>116</sup> Dasar *Strategic Hamlets* ini telah memisahkan golongan pemerintahan bercorak Mandarin daripada rakyat. Tindakan AS ini disifatkan sebagai telah merombakcorak tradisi masyarakat di Vietnam Selatan<sup>117</sup> sedangkan dalam masyarakat tradisional Vietnam, ikatan golongan pemerintah Mandarin dengan golongan rakyat bawahan adalah agak erat.<sup>118</sup>

Jadi pengelompokan penduduk yang dilakukan oleh pihak AS telah mendatangkan kesan yang sebaliknya. Ia telah membolehkan pihak Vietcong telah menyusup masuk ke kawasan *Strategic Hamlets* ini dan menyebarkan ideologi komunis dan mengumpulkan ahli-ahli komunis yang baru.<sup>119</sup> Perkara ini dijelaskan lagi oleh Thich Nhat Hanh.

The hamlets were created to keep out the Viet Cong, so that the villagers could live there and not be 'intoxicated' by the Viet Cong, but the fact was that the Viet Cong themselves lived in many of the villages among their fellow-Vietnamese. It was not uncommon to find in the conference room of the executive committee of a hamlet, on the morning that it met, the documents of the Viet Cong already distributed, and so the whole concept of the strategic hamlet was undermined and destroyed.<sup>120</sup>

Manakala bagi kerajaan Vietnam Selatan yang pro-AS pula, mereka telah gagal menanam kepercayaan masyarakat negara tersebut terhadap mereka. Hal ini berlaku kerana selain dari amalan rasuah yang berlaku dengan meluas di kalangan para pegawai kerajaan, mereka (para pegawai kerajaan) juga gagal untuk mendampingi rakyat Vietnam Selatan. Sebaliknya agen-agen komunis Vietcong dengan bijak telah menyusup masuk dan hidup bersama-sama para petani. Perkara ini diterangkan dengan jelas oleh D. Warner,

... para pemberontak ini seringkali telah menampakkan diri kepada orang-orang kampung, makan dan bekerja bersama-sama dengan mereka ... dalam pada kawalan yang dilakukan oleh kerajaan begitu lemah, mereka (Vietcong) secara perlahan-lahan telah memenangi hati rakyat.<sup>121</sup>

Selanjutnya menurut Samuel L. Popkin, semasa perang para petani Vietnam Selatan terutamanya mereka yang miskin lebih suka untuk berlindung di bawah kuasa Vietcong.<sup>122</sup> Walaupun Vietcong turut memungut cukai dari mereka namun cukai ini jauh lebih rendah berbanding dengan cukai-cukai yang dikenakan oleh tuan-tuan tanah dan oleh kerajaan.<sup>123</sup> Mengulas tentang perkara ini, seorang petani yang telah ditemui oleh Samuel L. Popkin pada tahun 1967 menyatakan,

... they (Viet Cong) know how to please the people; they behave politely so people feel that they are more favored. They behave politely and nicely to the people in order to make people like them. They do not thunder at the people like the government soldiers.<sup>124</sup>

Bagi Vietcong, mereka cukup sedar bahawa para petani Vietnam Selatan merupakan golongan masyarakat yang kurang mendapat perhatian dari pihak kerajaan. Keadaan ini telah menyukarkan lagi perhatian dan pengawalan kerajaan ke atas mereka. Kesempatan yang sedemikian telah digunakan oleh pihak Vietcong bagi menyebarkan propoganda mereka. Kegiatan ini menjadi lebih mudah kerana bilangan komunis di Vietnam Selatan begitu ramai. Pada tahun 1960-an, terdapat kira-kira 10,000 orang pemberontak komunis dari sejumlah besar penduduk dilaporkan bergerak aktif di Vietnam Selatan.<sup>125</sup> Dengan jumlah ini, pihak komunis mempunyai tenaga yang begitu ramai bagi menyebarkan dakwah komunis mereka. Kegiatan mereka ini juga telah menyulitkan lagi tugas kerajaan untuk mengawal sejumlah 7 juta orang penduduk

yang terlibat dalam rancangan *Strategic Hamlets*.<sup>126</sup> Bagi Malaysia pula, pengawasan kerajaan lebih mudah dilakukan kerana jumlah penduduk yang terlibat dalam rancangan Briggs berjumlah kira-kira 530,000 orang.<sup>127</sup> Jumlah ini jauh lebih kecil berbanding dengan di Vietnam Selatan. Selain dari itu, faktor kejayaan kerajaan juga telah disebabkan oleh kegagalan pihak komunis untuk mempengaruhi rakyat. Kegagalan ini telah diakui dalam satu dokumen PKM yang telah dirampas oleh kerajaan British. Ia antara lain menyatakan,

Our greatest weakness is that we have not sufficient strength to protect co-operative villagers. Therefore, our environment becomes more and more difficult, especially from the financial and provision supply aspects. We suffer from unreliable information, non-co-operation of the people and difficulty of movement.<sup>128</sup>

Penjelasan ini membuktikan bahawa tanpa sokongan golongan massa, gerakan PKM telah mengalami kegagalan atau dengan kata lain, sokongan massa tempatan merupakan nadi kepada gerakan PKM selama ini. Perkara ini begitu jelas sekali di Vietnam Selatan apabila Vietcong dan Vietminh akhirnya berjaya menguasai negara itu kerana mereka berjaya dalam menjadikan rakyat Vietnam Selatan sebagai *base* kepada pergerakan dan perjuangan mereka.

#### ASPEK DI PIHAK PKM DAN PKI

Selain dari faktor-faktor yang berada di pihak kerajaan British di Malaysia dan AS di Vietnam Selatan, faktor di pihak komunis itu sendiri juga turut memainkan peranan penting dalam menentukan kemenangan British dalam menentang PKM di Malaysia semasa Darurat dan kekalahan AS di tangan komunis pada tahun 1975. Faktor-faktor tersebut terdiri dari faktor-faktor jumlah keahlian, kepimpinan, strategi dan sokongan dari luar. Dari segi bilangan tentera Vietcong mempunyai jumlah tentera seramai 250,000 orang yang berada di bahagian pertahanan utama, 100,000 ahli simpanan dan sukarelawan serta beribu-ribu penyokong (*sympathisers*).<sup>129</sup> Sementara itu, keahlian keanggotaan dalam PKM di antara tahun 1952-1953 pula berjumlah kira-kira 5 hingga 6 ribu orang gerila.<sup>130</sup> Jumlah di atas menunjukkan bahawa keanggotaan ahli komunis Vietcong jauh lebih ramai berbanding dengan keanggotaan PKM.

Dari segi jumlah korban di pihak PKM, pada tahun 1953, 846 orang komunis telah terkorban, 66 ditangkap dan 370 orang telah menyerah diri. Sehingga Jun 1953, seramai 6,304 orang anggota komunis dilaporkan telah dibunuh, menyerah diri dan ditahan.<sup>131</sup> Dalam pada itu, pihak PKM menghadapi beberapa kesukaran untuk mencari rekrut-rekrut baru. Ini kerana kawalan kerajaan British dan kemudiannya kerajaan Malaysia terutamanya terhadap kawasan-kawasan Kampong Baru begitu kuat. Pengawalan ini telah menghalang

usaha PKM itu.<sup>132</sup> Tambahan pula apabila kerjasama sempadan antara Malaysia dan Thailand diadakan, maka sukar bagi PKM untuk membawa masuk atau menyeludup gerila-gerila komunis dari China.<sup>133</sup>

Di samping itu juga PKM menghadapi kesulitan untuk menyatukan gerila-gerila komunis yang berbangsa Cina dengan gerila-gerila yang berbangsa Melayu. Contohnya ialah peristiwa menyediakan makanan dari satu khemah. Mengulas tentang perkara ini, Anthony Short menyatakan:

... The fact that food presented a problem in mixed camps suggests that the Malays must be 'unreliable' in that they were Muslim first and Communist second.<sup>134</sup>

Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun orang-orang Melayu turut menganuti ideologi komunis yang bersifat anti agama, ia tidak bermaksud bahawa orang-orang Melayu turut sama bersifat anti agama. Dalam soal ini jelas menunjukkan bahawa orang-orang Melayu masih boleh berkompromi dalam perkara yang melibatkan ideologi (komunis) tetapi tidak dalam soal agama.

Dari segi bantuan luar, baik PKM mahupun pihak komunis di Vietnam Selatan masing-masing telah mendapat bantuan dari negeri China. Menurut Gene Z. Hanrahan, kumpulan-kumpulan kader komunis telah diperkenalkan di Malaysia dari negeri China. Mereka telah menyeludup masuk melalui Thailand atau datang menerusi laut dari Pulau Hainan. Mereka telah melatih para ahli PKM tentang taktik perjuangan gerila baik secara teori mahupun secara praktik.<sup>135</sup>

Menyentuh mengenai bantuan dan campurtangan dalam gerakan komunis di Vietnam Selatan, Nguyen Huu Chinh menyatakan bahawa China telah menyokong perang anti-Amerika di Vietnam Selatan. China juga telah mengambil peluang dari gerakan revolusi di Indochina bagi mengukuhkan kedudukannya di wilayah Selatan China.<sup>136</sup> Dalam soal ini, gerakan komunis di Vietnam Selatan lebih mudah mendapat bantuan dari China berbanding dengan PKM di Malaysia. Perkara ini disebabkan oleh kedudukan geografi Vietnam Selatan lebih dekat dengan China berbanding dengan Malaysia. Faktor kedekatan geografi ini telah memudahkan lagi perhubungan antara komunis Vietnam Utara (pusat pergerakan komunis yang bergerak di Vietnam Selatan) dengan China.

Selain dari China, Rusia juga merupakan negara yang turut terlibat dalam membantu Vietnam Utara. Selain dari bantuan kepakaran, latihan dan senjata untuk peperangan, Rusia turut membantu Vietnam Utara dari segi ekonomi. Pada tahun 1955, Rusia telah memberikan bantuan sebanyak AS\$90 juta.<sup>137</sup> Vietnam Utara juga telah melancarkan satu 'rancangan pembangunan tiga tahun' (1958-1960) dengan bantuan China dan Rusia.<sup>138</sup> Malah sehingga tahun 1972, punca-punca perisikan AS mendakwa bahawa Peking telah meminta kebenaran dari kerajaan Rusia supaya membenarkan kapal-kapal Rusia singgah di pelabuhan-pelabuhan China untuk mengambil barang-barang makanan, senjata dan petrolium untuk dihantar kepada pihak komunis di Vietnam Utara.<sup>139</sup> Bagi China dan

Rusia, Vietnam Utara itu sendiri merupakan negara setelit bagi mereka dalam meluaskan pengaruh komunis.<sup>140</sup>

Selain dari itu, dari segi kepimpinan, Vietminh jauh lebih baik berbanding dengan kepimpinan yang terdapat dalam PKM. Kepimpinan ini boleh dilihat melalui kewibawaan yang telah ditunjukkan oleh Ho Chi Minh. Beliau merupakan ahli komunis yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi. Menurut Philippe Devillers:

Ho Chi Minh telah memberikan 'ciri-ciri Vietnam' kepada Marxisme. Beliau adalah seorang patriot lebih dari segala-galanya. Beliau menggantikan Marxisme-Leninisme melalui nasionalisme dan patriotisme... Beliau membuktikan yang Marxisme-Leninisme adalah 'bersesuaian' dengan tanahair, kemerdekaan, kebebasan dan keadilan.<sup>141</sup>

Ho Chi Minh juga merupakan seorang yang bijak dan cekap dalam mengatur dan menyusun strategi perjuangan dan organisasi pertubuhan dalam Vietminh. Menurut Douglas Pike, '... Ho Chi Minh proved for all time his unequaled talent for guile and ruthlessness as well as his organizational genius in political infighting'.<sup>142</sup> Antara kata-kata Ho Chi Minh yang terkenal yang turut membangkitkan semangat revolusi masyarakat Vietnam dalam menentang penguasaan AS di Vietnam Selatan ialah, 'In this world, the ills of man may number tens of thousands, but nothing that can befall him is worse than loss of freedom.'<sup>143</sup> Berhubung dengan kredibiliti Ho Chi Minh sebagai pemimpin ideologi komunis, J. Davidson berpendapat bahawa bagi para pemerhati AS, mereka berpandangan bahawa Vietnam akan menjadi '*Asian Yugoslavia*' kerana berada di bawah kepimpinan Ho Chi Minh.<sup>144</sup> Ini membuktikan bahawa Ho Chi Minh memainkan peranan yang penting dalam "mengkomuniskan" Vietnam.

Sementara itu bagi pemimpin PKM pula, tidak ada pemimpin yang setanding atau hampir-hampir memiliki karisma kepimpinan seperti Ho Chi Minh. Malah ada antara para pemimpin PKM yang telah lari dari markas bersama dengan wang parti. Antara tokoh PKM yang telah belot bersama wang parti ialah Setiausaha Agung PKM iaitu Loi Tek. Tindakan tersebut dikatakan berkaitan dengan kecurigaan yang timbul di kalangan ahli parti berikutan dengan tragedi yang berlaku di Batu Caves. Dalam peristiwa ini, 18 orang pemimpin PKM dan *Malayan Peoples Anti Japanese Army* (MPAJA) telah terbunuh dan lebih dari dua belas orang telah ditangkap oleh pihak Jepun.<sup>145</sup> Terdapat laporan yang mendakwa bahawa pada ketika itu beliau berada di kawasan tersebut tetapi telah dibebaskan oleh Jepun dan ada yang mendakwa bahawa beliau berada dalam keadaan selamat di rumahnya di Singapura.<sup>146</sup> Sehubungan dengan peristiwa ini, beliau dituduh cuba mengkhianati parti dengan cara menjadi tali barut pihak Jepun. Hanrahan dalam tulisannya turut membicarakan mengenai Loi Tek berhubung dengan peristiwa ini:

The evidence, now accepted by the British and by the Malayan Communists, strongly suggests that both these meetings were betrayed by Lai Tek to the Japanese and that this betrayal was their price for allowing him to continue to operate as Secretary General. This is consistent with the rest of the Lai Tek story. The Japanese were content to let the communist organization grow, provided it had "their" man at the head. Lai Tek whether a true Communist or a triple agent, was content with the chance to establish his own power, with all his rivals and potential betrayers eliminated.<sup>147</sup>

Kenyataan yang dinyatakan oleh Hanrahan itu membuktikan bahawa pemimpin PKM iaitu Loi Tek ini merupakan seorang yang mementingkan diri sendiri dan tidak mempunyai komitmen terhadap parti malah sanggup mengkhianati parti demi kepentingan peribadi. Oleh kerana pergerakannya telah dicurigai oleh sebilangan pemimpin-pemimpin kanan PKM maka pada Mac 1947, beliau telah menghilangkan diri dan tempatnya digantikan oleh Chin Peng.<sup>148</sup> Skandal wang ini diakui sendiri oleh *Surrendered Enemy Personnel* (SEP) pada tahun 1950. Pengakuan tersebut antara lain mempersoalkan tentang kehilangan wang parti:

What happened to all the money we collected? I could see that the corrupt people at the top were getting it all. They were rich. They were probably buying rubber estates. They were taking care of themselves all the time. The big party officials were getting fat. They were living well. Anything that are belonged to them.<sup>149</sup>

Pengakuan ini jelas menunjukkan bahawa sebahagian ahli-ahli PKM telah hilang kepercayaan terhadap pucuk pimpinan dalam parti tersebut. Tambahan pula, dalam kepemimpinan PKM juga selalu berlaku perselisihan pendapat dan ini membawa kepada berbagai kerumitan sehingga melemahkan moral PKM.<sup>150</sup> Sebagai contoh, seorang ahli PKM yang bernama Siew Lau pernah mengutuk kepimpinan dan beberapa kelemahan parti. Beliau juga dikatakan tidak bersetuju dengan tindakan kekerasan yang digunakan oleh PKM seperti membakar bas, menembak keretapi dan merosakkan pokok getah. Bagi Siew Lau, tindakan-tindakan ini akan menambahkan lagi penderitaan rakyat. Oleh kerana pertentangan pandangan dengan pihak atasan, beliau akhirnya dibunuh bersama-sama dengan isteri dan seorang pengawalnya atas arahan PKM.<sup>151</sup> Selain dari itu, beberapa orang kepimpinan PKM yang terdiri dari pegawai-pegawai yang terlatih telah terbunuh, tertawan dan menyerah diri. Antara mereka yang terbunuh ialah Lau Yew.<sup>152</sup> Menurut Neol Barber,

Their military leader was dead; not a single one of the promised Liberated Areas had been established; the army was already facing a minor crisis in deaths and deserters and Chin Peng was finding it hard to get replacements.<sup>153</sup>



Penyerahan diri pemimpin-pemimpin PKM seperti Osman Cina dan Hor Leung pada 30 Disember 1954 di hutan Pahang menunjukkan bahawa kekuatan PKM sendiri merosot. Ketiadaan kedua-dua tokoh ini amat merugikan PKM kerana mereka merupakan golongan intelek komunis yang cekap dalam menjalankan usaha-usaha propaganda.<sup>154</sup>

Dari penghuraian yang telah diberikan menunjukkan bahawa faktor dalaman yang terdapat dalam PKM dan PKI itu juga penting dalam menjadi faktor penentu terhadap pencapaian mereka dalam menentang kerajaan di negara masing-masing.

Pengalaman dalam menghadapi ancaman komunis merupakan satu ciri penting dalam mencari titik persamaan sejarah bagi Malaysia dan Vietnam Selatan. Soal ini kemudiannya telah dijadikan dasar dalam membentuk hubungan antara kedua-dua buah negara. Namun satu persoalan yang wujud apabila menyentuh tentang pengalaman bersama kedua-dua buah negara ini ialah mengapa Malaysia telah berjaya dalam menewaskan ancaman PKM dan Vietnam Selatan sebaliknya.

Dalam perkara ini, persoalan pokok yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana kerajaan di kedua-dua buah negara ini berusaha dalam menangani ancaman komunis. Di sini jelas menunjukkan bahawa Malaysia lebih berjaya mengalahkan PKM dan menyebabkan Darurat ditamatkan pada tahun 1960 berbanding dengan Vietnam Selatan yang gagal membendung pengaruh komunis yang akhirnya membawa kepada kejatuhan Saigon pada tahun 1975 ke tangan Vietminh.

Kejayaan kerajaan Malaysia khususnya kerajaan British dalam menentang PKM disebabkan oleh beberapa faktor yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu faktor dasar pemerintahan dan strategi pertahanan Malaysia pada masa itu. Namun faktor yang paling menguntungkan kerajaan British ialah kejayaannya dalam menarik sokongan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Sokongan ini kemudian telah dijadikan sebagai *force* utama bagi kerajaan dalam melumpuhkan pengaruh PKM di Malaysia. Sokongan yang diterima ini adalah hasil daripada kebijaksanaan dan sikap toleransi pemerintah dalam memahami kehendak dan perkembangan masyarakat di negara ini pada masa itu terutamanya perkembangan politik dan kehendak-kehendak ke arah tuntutan kemerdekaan. Sikap kerajaan British ini telah berjaya menanamkan kepercayaan rakyat terhadapnya dan sekaligus telah mengikis pengaruh PKM di kalangan masyarakat Malaysia pada masa itu.

Berbeza dengan apa yang telah berlaku di Vietnam Selatan, kerajaannya yang disokong oleh AS telah gagal memahami kehendak dan psikologi masyarakat negara itu yang masih teguh dengan nilai-nilai tradisi setempat. Kegagalan ini telah menyebabkan banyak dasar yang dijalankan dengan tujuan untuk menghapuskan komunis tidak mendapat sokongan malah ditentang oleh rakyat. Di samping itu juga, dasar-dasar tersebut contohnya rancangan *Strategic Hamlets*

telah menyebabkan wujudnya jurang pemisah yang luas antara pemerintah dan masyarakat. Ketegangan yang wujud antara keduanya pihak ini telah menguntungkan pihak komunis dalam mencari sokongan terhadap perjuangan mereka merupakan satu alternatif bagi melahirkan penentangan terhadap kerajaan mereka. Perkembangan ini akhirnya telah menyebabkan pihak Vietminh telah berjaya menguasai Vietnam Selatan sepenuhnya pada tahun 1975.

Dalam pada itu juga, aspek di pihak komunis sendiri juga turut memainkan peranan yang penting, dalam menentukan pencapaian kerajaan British dan kerajaan Vietnam Selatan dalam menghadapi ancaman komunis. Dalam soal ini jelas bahawa PKI telah berjaya mewujudkan kekuatan dalamannya berbanding dengan PKM yang banyak menghadapi kepincangan terutamanya dari sudut kepimpinan parti, strategi dan penerimaan masyarakat terhadap dasar ideologi parti ini.

Secara umumnya apa yang dapat disimpulkan ialah faktor-faktor di pihak kerajaan dan faktor-faktor di pihak komunis merupakan faktor yang saling berkaitan antara satu sama lain dalam menentukan pencapaian Malaysia dan Vietnam Selatan dalam menghadapi ancaman komunis.

<sup>1</sup>*The Straits Times*, 31 July 1960, hlm. 1.

<sup>2</sup>Harry Miller, *The Story of Malaysia*, Faber and Faber, London, 1965, hlm. 111. Perjanjian ini telah ditandatangani antara Raja Abdullah - Raja Negeri Perak dengan Gabenor British iaitu Sir Andrew Clarke.

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>Lihat J. Norman Parmer, 'Malaysia', dalam George McTurnan Kahin, *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, (Terj.) Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 386; isi-isi lengkap perjanjian ini boleh didapati dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid 1, Arkib Negara, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 56 dan 57.

<sup>5</sup>*Hari Ini Dalam Sejarah*, hlm. 56-57.

<sup>6</sup>Harry Miller, *A Story of Malaysia*, hlm. 111.

<sup>7</sup>Soal ini berkait rapat dengan sifat ketaatan rakyat terhadap raja yang dihubungkan dengan konsep daulat. Lihat Zainal Abidin Abdul Wahid (Pnyt.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 23-24.

<sup>8</sup>Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization: Colonialism in Malaya 1920-1929*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 50.

<sup>9</sup>Contohnya dalam Fasal 2 Perjanjian Pangkor.

<sup>10</sup>Fasal 3 Perjanjian Pangkor.

<sup>11</sup>Nilai taat setia rakyat Melayu kepada Raja-raja mereka merupakan ciri tradisi yang terdapat dalam masyarakat Melayu di Tanah Melayu khususnya dalam masyarakat Melayu tradisional. Lihat, Abdul Rahman Hj. Ismail, 'Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja-Rakyat

Masyarakat Melayu Tradisional Seperti Yang Terdapat Di Dalam Kitab-Kitab Sastra Sejarah Melayu', dalam *Kajian Malaysia*, Bil. III, Universiti Sains Malaysia, 1 Jun 1985, hlm. 34.

<sup>12</sup>*The Times*, 7 June 1949.

<sup>13</sup>Meskipun terdapat beberapa pertubuhan yang bukan komunis contohnya VNQDD (*Viet-Nam Quoc Dang Dang*) tetapi ia telah gagal dalam mendapatkan sokongan dari keseluruhan masyarakat negara itu.

<sup>14</sup>Thich Nhat Hanh, *Vietnam: The Lotus in the Sea of Fire*, SCM Press Ltd., Bloomsbury Street, London, 1967, hlm. 74.

<sup>15</sup>J. Davidson, *Indo-China: Sign Posts in the Storm*, Longman, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 98. Sebenarnya layanan buruk oleh pihak Barat terhadap institusi raja di Vietnam berlaku sejak zaman penjajahan Perancis lagi. Contohnya pada 29 Julai 1907, Raja Thanh Thai yang dikatakan menjadi gila telah ditahan dan selepas itu dipaksa turun dari takhta oleh pihak Perancis. Peristiwa ini sangat mengejutkan orang-orang Vietnam. Raja yang selama ini dianggap sebagai Putra Syurga dengan segala ketinggian martabatnya telah mendapat layanan yang begitu rendah daripada para pegawai Perancis. Walaupun Thanh Thai hanya raja pada nama sahaja dan kuasa adalah di tangan penjajah Perancis namun rakyat Vietnam merasa marah atas layanan yang diberikan oleh Perancis kepada baginda. Lihat Philippe Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, (terj. oleh Ruhanas Harun), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 224.

<sup>16</sup>*Ibid.*, hlm. 98-99.

<sup>17</sup>William J. Duiker, *Vietnam: Nation in Revolution*, Westview Press, Boulder, Colorado, 1983, hlm. 51.

<sup>18</sup>*Ibid.*, hlm. 53.

<sup>19</sup>Salah seorang sami Buddha yang terkenal dalam menentang kerajaan Diem ialah Thich Tri Quang. Beliau telah meninggal dunia kerana melancarkan mogok lapar selama seratus hari kerana menentang campurtangan kuasa asing di Vietnam Selatan. Lihat Thich Nhat Hanh, *Vietnam The Lotus in the Sea of the Fire*, hlm. 46.

<sup>20</sup>Roy Jumper dan Marjorie Weiner, 'Vietnam', dalam George McTurnan Kahin (pnyt.), *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, hlm. 557.

<sup>21</sup>Ralph Smith, *Viet-Nam and the West*, Heinemann, London, 1968, hlm. 70.

<sup>22</sup>*Ibid.*

<sup>23</sup>Untuk keterangan lanjut tentang penentangan golongan sami Buddha terhadap AS dan regim Ngo Dinh Diem. Lihat Thich Nhat Hanh, *Vietnam: The Lotus in the Sea of Fire*, 1967.

<sup>24</sup>Roy Jumper dan Marjorie Weiner, 'Vietnam', hlm. 542.

<sup>25</sup>*Ibid.*

<sup>26</sup>FO 371/160107 (confidential), Laporan dari British Embassy, Saigon bertarikh 21 Januari 1961, hlm. 6.

<sup>27</sup>*Ibid.*, hlm. 8.

<sup>28</sup>*Ibid.*

<sup>29</sup>Brian Crozier, 'The Diem Regime in Southern Vietnam', *Far Eastern Survey*, Vol. XXIV, No. 4, April 1955, hlm. 52.

<sup>30</sup>*Ibid.* Penahanan beliau ini juga dikatakan berkait dengan muslihat rejim Diem yang mahu memecat tokoh-tokoh penting yang berkhidmat semasa Bao Dai berkuasa dahulu.

<sup>31</sup>Masalah rasuah dan penyelewengan telah berlaku dalam kerajaan Thieu. Oleh keranan kerajaan ini telah mendapat penentangan dari sebilangan besar rakyat Vietnam Selatan, pentadbiran AS semasa Nixon merasa ragu-ragu untuk terus menyokong Presiden Thieu.

<sup>32</sup>Antara negara-negara Komanwel dan koloni British yang terlibat dalam menyumbangkan tentera untuk menentang PKM ialah Britain, Australia, New Zealand, Fiji, Afrika Timur dan India *Malaya Annual Report, 1956*, hlm. 443.

<sup>33</sup>Lihat Khoo Kay Kim, *Sejarah Malaysia*, (risalah), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 104.

<sup>34</sup>F.G. Carnell, 'Communalism and Communism in Malaya', *Pacific Affairs*, Vol. 24, No. 1, January 1953, hlm. 109.

<sup>35</sup>Ismail Saad, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Gagal', dlm Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, *Darurat: 1948-1960*, hlm. 77.

<sup>36</sup>Lihat Lucian W. Pye, *Guerrilla Communism in Malaya* Princeton, New Jersey, 1956, hlm. 49-50.

<sup>37</sup>Lucian W. Pye, *Guerilla Communism in Malaya*, hlm. 50.

<sup>38</sup>Zainal Abidin Abdul Wahid (pnyt.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, hlm. 114.

<sup>39</sup>Dalam pada itu, jumlah orang-orang Cina yang menceburkan diri dalam Pasukan Keselamatan adalah sangat kecil bilangannya.

<sup>40</sup>Sebenarnya kerajaan Vietnam Selatan terpaksa menghadapi pemberontakan komunis dari dua pihak iaitu komunis Vietcong dan komunis Vietminh. Komunis Vietcong merupakan kumpulan pemberontak komunis yang diwujudkan di Vietnam Selatan. Perkataan Vietcong merupakan singkatan dari perkataan *Viet Nam Cong-San Dang* yang bererti Komunis Vietnam. Sementara itu, komunis Vietmih pula merupakan regim komunis yang memerintah Vietnam Utara. Lihat, Roy Jumper dan Marjorie Weiner, 'Vietnam', hlm. 545.

<sup>41</sup>*Ibid.*

<sup>42</sup>Ralph Smith, *Vietnam and the West*, hlm. 57.

<sup>43</sup>*Ibid.*

<sup>44</sup>*Ibid.*

<sup>45</sup>*The Vietnam War: The Illustrated History of the Conflict in Southeast Asia*, Salamander Books, London, 1979, hlm. 194.

<sup>46</sup>Selain dari tentera, orang-orang awam di AS juga menentang penglibatan AS di Vietnam Selatan. Lihat Eugene V. Rostow, 'The 'Lessons' of Vietnam and Presidential Powers', dalam *Strategic Review*, Fall, 1984, hlm. 30-38.

<sup>47</sup>Guenter Lewy, *America in Vietnam*, Oxford University Press, New York, 1978, hlm. 154.

<sup>48</sup>*The Times*, 3 December 1948.

<sup>49</sup>*The Times*, 17 May 1949.

<sup>50</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, 'Malayan-Thai Police Border Agreement, September 1, 1949', *Jurnal Sarjana*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Univ. Malaya, Dis. 1989, hlm. 14-22.

<sup>51</sup>*Ibid.*

<sup>52</sup>*Ibid.*

<sup>53</sup>*The Times*, 13 March 1952 (tanpa halaman).

<sup>54</sup>Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Second Edition, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 127.

<sup>55</sup>*The Times*, 17 February 1949. (tanpa halaman)

<sup>56</sup>Richard L. Clutterbuck, *The Long-long War*, hlm. 22. Perlu diingatkan di sini bahawa kerajaan British pernah bekerjasama dengan pihak komunis semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1943-1945). British juga bertanggungjawab dalam pembentukan pasukan gerila Rakyat Malaya Anti-Tentera Jepun atau *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang sebahagian besarnya dianggotai oleh komunis dan orang-orang China yang bencikan tentera Jepun. Pihak komunis juga bekerjasama dengan Force 136 iaitu sebuah unit khas yang terdiri dari pegawai British dan orang-orang Malaya bagi memperkuat MPAJA. Dalam perjanjian antara Setiausaha PKM pada masa itu iaitu Loi Teck dengan Wakil Ketua Panglima Perang Tentera Berikat (*Supreme Allied Commander*) J. Davis pada 1 Januari 1944 pihak British iaitu F. 136 telah bersetuju memberikan bantuan senjata kepada MPAJA sebanyak 4,765 alat senjata. Namun demikian, oleh kerana Jepun telah menyerah kalah berikutan dengan pengeboman oleh AS keatas bandar-bandar utama di Jepun, hanya 2,000 senjata yang terdiri dari karbin sempat sampai ke tangan MPAJA. Lihat Oong Hak Ching, 'Kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dan Kuomintang: Kesan-kesannya terhadap Dasar-dasar British di Tanah Melayu (1941-1945)', dlm. *Jebat*, (Jurnal Jabatan Sejarah), UKM, Bil. 18, 1990, hlm. 129-144.

<sup>57</sup>Lihat Philippe Devillers, *Sejarah Indochina Modern*, hlm. 397.

<sup>58</sup>Francis Fitzgerald, *Fire in the Lake: The Vietnamese and the Americans in Vietnam*, Vintage Books, A Division of Random House, New York, 1978 hlm. 520.

<sup>59</sup>Philippe Devillers, *Sejarah Indochina Modern*, hlm. 396.

<sup>60</sup>Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, Frederick Muller Limited, London, 1975, hlm. 416.

<sup>61</sup>Ismail Saad, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Gagal', hlm. 87.

<sup>62</sup>*Ibid.*

<sup>63</sup>Richard L. Clutterbuck, *The Long-Long War*, hlm. 105.

<sup>64</sup>Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 423-424.

<sup>65</sup>Milton E. Osborne, *Strategic Hamlets in South Vietnam: A Survey and Comparison*, Data Paper, No. 55, Southeast Asia Studies, Cornell University, New York, 1965, hlm. 17.

<sup>66</sup>Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 76.

<sup>67</sup>Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, hlm 424.

<sup>68</sup>*Ibid.*

<sup>69</sup>*Ibid.* hlm.420.

<sup>70</sup>*Ibid.* hlm. 421.

<sup>71</sup>Kawasan Hitam dan Kawasan Putih ini telah diperkenalkan oleh Templer pada tahun 1953. Ia bertujuan untuk mengklasifikasikan kawasan yang terdapat pengaruh dan ancaman komunis.

<sup>72</sup>Kad pengenalan ini telah diperkenalkan dalam tahun 1948 melalui Pendaftaran Kebangsaan.

<sup>73</sup>Edgar O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War*, hlm. 192.

<sup>74</sup>Selain dari itu peluang dalam berpolitik dan janji kemerdekaan yang diberikan oleh kerajaan British juga telah turut menjadi faktor yang menambahkan sokongan rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menentang PKM.

<sup>75</sup>Guenter Lewy, *America in Vietnam*, hlm. 85.

<sup>76</sup>*Ibid.*

<sup>77</sup>Edgar O'Ballance, *The War in Vietnam 1954-1973*, Hippocrene Books, Inc., New York, 1975, hlm. 192.

<sup>78</sup>Richard L. Clutterbuck, *The Long-Long War*, hlm. 68.

<sup>79</sup>Kebencian rakyat Vietnam Selatan terhadap kerajaan timbul berikutan dengan perlaksanaan dasar-dasar kerajaan yang bertentangan dengan sistem nilai hidup dan kepentingan mereka. Situasi ini telah memudahkan lagi pihak Vietcong dalam usaha untuk mendapatkan sokongan dari penduduk Vietnam Selatan.

<sup>80</sup>Mejar Robert B. Osborn (U.S. Army). Surat dari Vietnam bertarikh 18 Februari 1965, dlm Richard L. Clutterbuck, *The Long-Long War*, hlm. 68.

<sup>81</sup>*Ibid.*

<sup>82</sup>*Ibid.*

<sup>83</sup>*Ibid.*

<sup>84</sup>*Ibid.*

<sup>85</sup>*Ibid.*

<sup>86</sup>*Ibid.*, hlm. 69.

<sup>87</sup>*Ibid.*

<sup>88</sup>*Ibid.*, hlm. 70.

<sup>89</sup>Edgar O'Ballance, *The War in Vietnam 1954-1973*, hlm. 23.

<sup>90</sup>*The Times*, 17 February 1949 (tanpa halaman).

<sup>91</sup>Robert O. Tilman, 'The Non-Lessons of the Malayan Emergency', *Asian Survey*, Vol. VI, No. 8, August 1966, hlm. 412.

<sup>92</sup>*Ibid.*

<sup>93</sup>Robert O. Tilman, 'The Non-Lessons of the Malayan Emergency', hlm. 413.

<sup>94</sup>*Ibid.*

<sup>95</sup>*Ibid.*

<sup>96</sup>Kedudukan mereka ialah di Garisan lintang 8<sup>o</sup> sempadan Malaysia - Thailand.

<sup>97</sup>Senoi Praaq ialah kumpulan pengawas hutan yang terdiri dari orang-orang asli yang dilatih untuk membantu pasukan keselamatan serta mengawasi kumpulan mereka

dari diancam atau dipengaruhi oleh komunis. Lihat Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 142

<sup>98</sup>Gene Z. Hanrahan, hlm. 154. Istilah Sam-Sam dalam petikan di atas ialah masyarakat Sam-Sam.

<sup>99</sup>*Ibid.*

<sup>100</sup>*Ibid.*

<sup>101</sup>*Ibid.*

<sup>102</sup>Robert O. Tilman, hlm. 414.

<sup>103</sup>Alan Bennett, 'Moving the Montagnards', *Far Eastern Economic Review*, Vol. XLIX, No. 3, 15 July 1965, hlm. 217.

<sup>104</sup>Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 155.

<sup>105</sup>*Ibid.*

<sup>106</sup>Robert O. Tilman, hlm. 414.

<sup>107</sup>Kernal Singh Sandhy, 'Squatters in Malaya', *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 6, No. 1, March 199, hlm. 143.

<sup>108</sup>Renick Sadhu, 'The Emergency Regulation of Malaya: Causes and Effects', *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 6, No. 2. September 1964, hlm. 2.

<sup>109</sup>*Ibid.*

<sup>110</sup>Kernal Singh, 'Squatters in Malaya', hlm. 143.

<sup>111</sup>Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (pnyt.), *Sejarah Malaysi Sepintas Lalu*, hlm. 168-169.

<sup>112</sup>Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Political Awakening*, Pelanduk Publications, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 11.

<sup>113</sup>Joseph b. Hajost, 'The Left-Wing in Malaya', Tesis MA, Illinois University, Berkeley, 1967, hlm. 52, dalam Ismail Saad, hlm. 89.

<sup>114</sup>Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, Institute of Social Analysis (INSAN), Petaling Jaya, 1984, hlm. 154.

<sup>115</sup>Pilihanraya ini diadakan pada 27 Julai 1955 dan keputusannya Parti Perikatan telah memenangi 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan.

<sup>116</sup>Philippe Devillers, *Sejarah Indochina Modern*, hlm. 390.

<sup>117</sup>Perkara ini juga telah diterangkan dalam bab dua. Selain dari itu kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti rumah, tanah dan kemudahan kesihatan serta pelajaran dan perhubungan tidak mencukupi. Soal keselamatan para penduduk yang dipindahkan pun tidak terjamin.

<sup>118</sup>Ralph Smith, *Vietnam and the West*, hlm. 57-58.

<sup>119</sup>Lihat Milton E. Osborne, *Strategic Hamlets in South Vietnam*, hlm. 7.

<sup>120</sup>Thich Nhat Hanh, *Vietnam: The Lotus in the Sea of Fire*, hlm. 84.

<sup>121</sup>D. Warner, *Last Confucion*, Oxford University Press, New York, 1963, hlm. 129, dalam Milton E. Osborne, *The Strategic Hamlets in South Viet-Nam*, hlm. 7.

<sup>122</sup>Samuel L. Popkin, 'Pacification: Politics and the Village', *Asian Survey*, Vol. X, No. 8, Ogos 1970, hlm. 662.

<sup>123</sup>*Ibid.*

<sup>124</sup>*Ibid.*, hlm. 662-663.

<sup>125</sup>Bernard Fall, *The Two Viet-Nam*, hlm. 126.

<sup>126</sup>Mengenai jumlah penduduk yang terlibat dalam rancangan *Strategic Hamlets*, lihat Milton E. Osborne, hlm. 7.

<sup>127</sup>*The Fight Against Communist Terrorists in Malaya*, Laporan oleh Office of Information, London, 1963, hlm. 20, dlm. Milton E. Osborne, *ibid.*, hlm. 13.

<sup>128</sup>*Federation of Malaya, Federal Government Press Release, PR 5/49/100 of 12 May 1949*, dokumen PKM yang telah dirampas.

<sup>129</sup>J. Davidson, *Indo-China: Sign Posts in the Storm*, hlm. 114.

<sup>130</sup>Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 127.

<sup>131</sup>*Communist Banditry in Malaya*, Department of Information, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 1953, hlm. 120.

<sup>132</sup>Lihat Lucian Pye, *Guerrilla Communism in Malaya*, hlm. 338.

<sup>133</sup>Edgar O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War*, hlm. 95.

<sup>134</sup>Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 201.

<sup>135</sup>Gene Z. Hanrahan, hlm. 116 dan hlm. 131-135.

<sup>136</sup>Nguyen Huu Chinh, 'Big Powers Vis-a-Vis Southeast Asia', *Indonesian Quarterly*, Vol. XII, No. 2, April 1984, hlm. 177.

<sup>137</sup>Phillipe Devillers, *Sejarah Indochina Modern*, hlm. 361.

<sup>138</sup>*Ibid.*, hlm. 371.

<sup>139</sup>*Asian Recorder*, Regd. No. D. 727, Vol. XVIII, No. 42, October 14-20, 1972, Col. 11040.

<sup>140</sup>Victor Bator, *Vietnam: A Diplomatic Tragedy*, hlm. 204.

<sup>141</sup>Philippe Devillers, *Sejarah Indochina Modern*, hlm. 406-407.

<sup>142</sup>Douglas Pike, *Viet Cong: The Organization and Techniques of the National Liberation Front of South Vietnam*, The M.I.T. Press, London, 1966, hlm. 43.

<sup>143</sup>William Worbey, *Ho Chi Minh and The Struggle for an Independent Vietnam*, Merlin Press, London, 1972, hlm. 63.

<sup>144</sup>J. Davidson, hlm. 201. '*Asian Yugoslavia*' bermaksud bahawa Vietnam akan menjadi Komunis Kebangsaan sebagaimana negara Yugoslavia yang mengamalkan fahaman Komunis Kebangsaan.

<sup>145</sup>Para pemimpin PKM dan MPAJA telah mengadakan perjumpaan pada 31 Ogos - 1 September 1942 di sebuah kampung berhampiran dengan Batu Caves. Lihat Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*, Oxford University Press, Singapore, 1989, hlm. 56.

<sup>146</sup>*Ibid.*

<sup>147</sup>Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 18. Setengah buku menulis nama Loi Tek sebagai Lai Tek.



<sup>148</sup>Kebangsaan sebagaimana negara Yugoslavia yang mengamalkan fahaman Komunis Kebangsaan.

<sup>149</sup>Para pemimpin PKM dan MPAJA telah mengadakan perjumpaan pada 31 Ogos - 1 September 1942 di sebuah kampung berhampiran dengan Batu Caves. Lihat, *Richard Stubbs, Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*, Oxford University Press, Singapore, 1989, hlm. 56.

<sup>150</sup>*Ibid.*

<sup>151</sup>Siew Lau ialah Setiausaha PKM bagi wilayah Melaka dalam tahun 1945. Beliau merupakan teman rapat kepada Loi Tek. Beliau dikatakan tidak bersetuju dengan Jawatankuasa Pusat PKM yang bertindak mencetuskan penentangan bersenjata di Malaysia pada tahun 1948. Lihat Gene Z. Hanrahan, hlm. 231.

<sup>152</sup>Lau Yew ialah penasihat tentera kepada Chin Peng. Beliau mahir dalam teori pemberontakan desa (*rural revolution*). Kehilangannya melemahkan strategi peperangan PKM dan sukar dicari ganti. Lihat, Ismail Saad, 'Pemberontakan PKM, Kenapa Gagal', hlm. 79.

<sup>153</sup>Neol Barber, *The War of the Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerrillas, 1948-1960*, Collins, St. James's Place, London, 1972, hlm. 72.

<sup>154</sup>Ismail Saad, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Gagal', hlm. 79.